Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 2001, dunia dikejutkan dengan peristiwa-peristiwa yang tidak pernah dialami sebelum ini, yang mempunyai implikasi meluas ke atas ekonomi dunia. Walaupun ekonomi Malaysia turut terjejas berikutan perkembangan ini, usaha-usaha terdahulu untuk memperkukuhkan asas ekonomi dan menjamin asas makroekonomi yang teguh serta untuk menstruktur dan menyusun semula sektor kewangan telah meningkatkan daya tahan Malaysia dalam mengharungi persekitaran ekonomi yang lebih sukar ini. Walaupun berdepan dengan keadaan yang lebih mencabar, Malaysia telah dapat mengelak daripada terjerumus ke dalam kelembapan ekonomi yang buruk dengan pertumbuhan pada tahun ini kekal positif sebanyak 0.4%, sementara kadar pengangguran pula dapat dibendung di bawah 4%.

Pertumbuhan telah didorong oleh aktiviti ekonomi dalam negeri. Usaha-usaha bersepadu yang dilaksanakan sejak krisis kewangan untuk menggalakkan pertumbuhan daripada sumber dalam negeri dan mengurangkan pendedahan kepada kejutan luar telah membuahkan hasil yang positif. Penggunaan swasta yang kekal kukuh, berserta dengan peningkatan dalam perbelanjaan sektor awam telah dapat mengurangkan kesan buruk ke atas ekonomi akibat sektor luar yang lebih lemah dan penguncupan dalam pelaburan swasta dalam negeri. Perkembangan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan positif di sektor-sektor ekonomi dalam negeri, yang telah dapat mengimbangi pertumbuhan yang lebih lemah dalam industri perkilangan yang berorientasikan eksport.

Pada tahun ini, asas makroekonomi telah mengukuh, dengan kadar inflasi kekal di bawah 2% sementara imbangan luar negara kekal tinggi dengan rizab antarabangsa meningkat kepada lebih daripada AS$30 bilion. Asas makroekonomi yang teguh dan kedudukan kewangan sektor korporat dan perbankan yang kukuh telah menjadikan Malaysia lebih bersedia untuk mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.5% pada tahun 2002 dengan pemulihan dalam ekonomi global. Namun demikian, Malaysia sedar tentang perubahan ke arah liberalisasi dagangan dan kewangan dalam pasaran global, yang memberi kesan ke atas prestasi ekonomi Malaysia. Sementara negara-negara sedang berusaha untuk keluar daripada kelembapan ekonomi, mereka terus mengukuhkan mekanisme bagi integrasi global. Persaingan dan teknologi global yang telah melalui pelbagai perubahan, terus menyaksikan kemunculan pesaing-pesaing baru dan pelonggaran sekatan-sekatan perlindungan. Apabila ekonomi-ekonomi melaksanakan liberalisasi dan menerima pakai amalan antarabangsa, persaingan untuk menarik pelaburan menjadi semakin sengit. Pelaburan langsung asing (FDI) dan juga pelaburan portfolio mempunyai banyak pilihan berikutan kewujudan ekonomi baru terutama negara-negara yang mempunyai pasaran dalam negeri yang besar dan kos operasi yang rendah.

Usaha untuk memperkukuhkan lagi kelebihan daya saing negara menjadi bertambah penting untuk memantapkan prospek pertumbuhan ekonomi negara dan menaikkan taraf hidup. Perubahan struktural untuk mencapai tahap utilisasi sumber-sumber yang efisien dan berkesan telah dipertingkatkan lagi. Pengurusan permintaan telah ditujukan bukan sahaja untuk menyediakan persekitaran makroekonomi yang positif tetapi juga untuk memajukan pembangunan struktural yang akan menyediakan suasana yang baik

untuk perniagaan. Langkah-langkah dasar penawaran telah memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti dan pembangunan institusi. Ini termasuklah meningkatkan kecekapan dalam urusan perkhidmatan awam, mengurangkan kos-kos input serta kos menjalankan perniagaan. Usaha-usaha juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti firma dengan memperkukuhkan lagi asas pengetahuan, mengurangkan jurang kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta meningkatkan keupayaan teknologi. Masalah-masalah yang wujud daripada perubahan ini adalah minima dan daya saing perniagaan telah menampakkan tanda-tanda peningkatan.

Malaysia merupakan penerima FDI sejak beberapa dekad yang lalu, dan telah menyumbang kepada keseluruhan pembangunan ekonomi Malaysia dari segi pertumbuhan, guna tenaga, perolehan pertukaran asing dan pemindahan teknologi. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, aliran FDI telah meliputi kesemua sektor, dengan sektor perkhidmatan kini menerima bahagian besar daripada FDI. Aliran masuk FDI yang menggalakkan ini berterusan pada tahun 2001 berikutan terdapatnya peluang-peluang baru yang ditawarkan oleh Malaysia. Terdapat perubahan nyata dalam bentuk pelaburan yang tertumpu kepada pelaburan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, yang telah membawa masuk teknologi baru dan kepakaran lain yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Kerajaan terus menggalakkan FDI dalam semua sektor dalam ekonomi dengan menawarkan pakej insentif yang menarik yang digubal khusus untuk memenuhi keperluan industri dan pelabur-pelabur tertentu.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan, kestabilan kadar pertukaran asing adalah penting dalam menggalakkan pelaburan dan perdagangan antarabangsa. Keadaan mudah ubah dalam kadar pertukaran dan tempoh salah jajaran yang berpanjangan boleh mewujudkan ketidakstabilan. Rejim kadar pertukaran tetap di Malaysia telah membantu mewujudkan keadaan yang stabil bagi perniagaan untuk merancang pelaburan dan menjalankan operasi mereka. Kadar pertukaran yang stabil telah membantu meningkatkan jumlah dagangan dan aktiviti pelaburan antarabangsa. Kestabilan yang diperolehi daripada kadar pertukaran telah membolehkan dasar-dasar pro pertumbuhan dilaksanakan dengan berkesan serta membantu mempercepatkan usaha penyusunan dan penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat. Dengan itu, rejim kadar pertukaran ini telah berfungsi dengan berkesan dan terus memberi manfaat kepada Malaysia.

Dalam perdebatan mengenai rejim kadar pertukaran yang sesuai, perlu diakui bahawa keadaan masa kini yang lebih tidak menentu dan bergolak, memberi cabaran dan tekanan ke atas kadar pertukaran, tanpa mengira rejim kadar pertukaran. Tiada rejim yang bebas daripada keadaan ini. Pengalaman global menunjukkan bahawa apabila kadar pertukaran gagal melaksanakan fungsinya, ia bukanlah disebabkan oleh rejim itu sendiri tetapi oleh kelemahan dalam ekonomi dan sistem kewangan.

Terdapat tiga faktor penting untuk memastikan rejim kadar pertukaran terus beroperasi dengan berkesan. Pertama, ia perlu disokong sepenuhnya oleh asas-asas ekonomi dalam negeri. Asas-asas ekonomi Malaysia sesungguhnya adalah lebih kukuh pada sepanjang tahun ini dan merupakan faktor penting untuk memastikan ketahanan kadar

pertukaran tetap. Kedua, sesebuah ekonomi perlu mempunyai keupayaan dan kekuatan untuk menyerap kemudahubahan luar negara. Dalam hal ini, kekukuhan ekonomi, keteguhan sektor perbankan, kekuatan sektor korporat dan juga Kerajaan, akan memberi keupayaan kepada negara untuk menghadapi cabaran yang sukar ini. Sesungguhnya, ekonomi kita yang lebih pelbagai, mobiliti pekerja dan modal yang meningkat, sektor ekonomi dalam negeri yang semakin penting dan sektor perbankan yang kian kukuh, telah meningkatkan daya tahan Malaysia terhadap kejutan luar negara. Keupayaan dan fleksibiliti pihak berkuasa untuk memperkenalkan dasar-dasar bagi menangani keadaan ini adalah penting juga. Walaupun kejutan seumpama ini akan terus memberi kesan kepada negara, ia masih dapat diurus dan kesannya diminimakan.

Ketiga, daya saing perlu dicapai melalui kecekapan dan peningkatan produktiviti dan bukannya bergantung kepada penurunan nilai mata wang. Sebagai satu dasar, Malaysia tidak bergantung kepada kadar pertukaran untuk meningkatkan daya saing. Ekonomi Malaysia mempunyai fleksibiliti yang cukup untuk membuat penyelarasan di kesemua sektor dalam ekonomi untuk mengekalkan daya saing dalam suasana yang berubah. Daya saing yang sebenar akan diperolehi bukan daripada fleksibiliti kadar pertukaran semata-mata tetapi lebih daripada peningkatan kecekapan, inovasi, strategi pemasaran dan penyediaan produk serta perkhidmatan yang berkualiti.

Dasar monetari akan terus dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan manfaat yang diraih berikutan pelonggaran dasar monetari yang bermula sejak tahun 1998, supaya proses pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, keutamaan dasar adalah untuk memastikan bahawa rejim kadar pertukaran tetap disokong oleh asas-asas ekonomi. Dengan kadar inflasi yang rendah dan asas ekonomi yang lebih kukuh, Malaysia mempunyai keupayaan untuk melaksanakan dasar yang lebih fleksibil bagi memelihara keutuhan dan kestabilan jangka panjang.

Sistem perbankan yang kukuh, kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang lega terus menyokong proses pengantaraan bank. Pembiayaan kepada sektor swasta adalah menggalakkan, bukan sahaja dari segi peningkatan aktiviti pinjaman sistem perbankan tetapi juga dari segi pembiayaan melalui pasaran bon. Akses yang lebih besar di pasaran bon membolehkan syarikat korporat melakukan penstrukturan semula dan meningkatkan fleksibiliti dalam pengurusan risiko pembiayaan mereka. Ini seterusnya membolehkan pembaharuan dilaksanakan serentak di peringkat korporat dan bank. Pada masa yang sama, pembiayaan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terus meningkat.

Malaysia terus komited untuk mengukuhkan sektor korporat dan infrastruktur kewangan dalam negeri. Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam penstrukturan semula kewangan yang dilaksanakan oleh Danaharta dan Danamodal. Kemajuan dalam penstrukturan semula operasi hutang dan bukan hutang korporat yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah mencapai kemajuan lebih pesat pada tahun 2001 berikutan pelaksanaan rangka kerja baru yang diperkenalkan pada bulan Ogos. Sebagai sebahagian daripada penstrukturan semula hutang, beberapa syarikat korporat besar telah menjalankan aktiviti penstrukturan semula dengan bersungguh-sungguh dari segi pengurusan dan

struktur pemilikan, serta penjualan perniagaan dan aset yang tidak begitu penting. Kebanyakan daripada penstrukturan semula dilaksanakan mengikut asas pasaran. Kerajaan juga terbabit dalam penstrukturan semula beberapa syarikat terpilih yang mempunyai kepentingan sosial dan negara yang besar. Kejayaan menyelesaikan kes-kes besar CDRC telah menyumbang ke arah mengurangkan pinjaman tak berbayar (NPL) dalam sistem perbankan.

Sektor swasta memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Walaupun perhatian yang lebih ditujukan untuk memperkukuhkan sektor korporat, satu lagi bidang di mana tumpuan khusus perlu diberi ialah untuk menyediakan persekitaran bagi pembangunan dan pertumbuhan IKS. IKS adalah penting sebagai penghubung di antara pelbagai sub sektor di dalam ekonomi. IKS merupakan satu sumber yang dinamik dan penggerak utama yang berpotensi bagi ekonomi, mempunyai daya ketangkasan untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berubah-ubah dan seterusnya menggalakkan kepelbagaian dalam asas ekonomi. IKS juga mewakili syarikat pribumi yang mempunyai potensi untuk tumbuh dan berkembang menjadi syarikat yang lebih besar dan tersenarai serta berpotensi untuk menjadi peserta serantau dan global. Bagi merealisasikan potensi ini, satu pendekatan yang jitu untuk pembangunan mereka diperlukan. BNM telah menjalankan kajian ke atas IKS menerusi sistem perbankan. Adalah diharapkan pangkalan data ini akan menjadi asas untuk rangka kerja yang menyeluruh bagi perkembangan IKS yang merangkumi semua sektor. Strategi ini perlu tumpu kepada menyediakan persekitaran perniagaan yang bukan sahaja boleh menangani isu kemudahan pembiayaan tetapi juga mempertingkatkan keupayaan teknologi mereka, kemudahan latihan, kemudahan kepada khidmat nasihat, saluran pemasaran dan infrastruktur penting yang lain. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengeluaran mereka, menggalakkan pengeluaran berkualiti tinggi, produk nilai ditambah yang tinggi dan berbeza yang menepati piawaian dunia.

Dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, sektor perbankan kekal kukuh dan berdaya tahan pada tahun 2001. Kesan positif yang dicapai melalui proses penstrukturan semula dan pembaikan dalam proses dan rangka kerja pengawalan serta pengawalseliaan telah mengurangkan kesan kelembapan ekonomi ke atas sistem perbankan. Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.5 bilion dengan peningkatan yang nyata dalam pengeluaran pinjaman. Kemajuan yang dicapai dalam penyusunan dan penstrukturan semula kewangan pada tahun 2001 telah membolehkan tumpuan dialih daripada menangani masalah sektor perbankan kepada isu jangka sederhana dan panjang bagi membangunkan sektor perbankan yang lebih kompetitif dan berdaya tahan.

Program penggabungan institusi perbankan dalam negeri merupakan satu pengukuhan struktur penting dalam sistem perbankan. Kejayaan melaksanakan penggabungan dan penyatuan kumpulan perbankan pada tahun 2001 telah memberi manfaat kepada industri dan pelanggan perbankan. Proses penggabungan pada tahun ini telah mengukuhkan kedudukan sektor perbankan. Pelanggan kini mempunyai akses kepada perkhidmatan bank yang lebih luas dan boleh menikmati perkhidmatan yang tidak terhad daripada institusi yang telah bergabung. Kumpulan perbankan yang digabung kini mempunyai kedudukan modal yang kukuh untuk memenuhi perbelanjaan modal

yang diperlukan pada masa hadapan serta memperluaskan skop perniagaan mereka. Proses integrasi operasi perniagaan dan usaha-usaha penyelarasan merupakan faktor penggabungan yang penting untuk mengurangkan pertindihan sumber dan untuk memperolehi tahap skala ikut bidangan yang lebih tinggi dan peningkatan kecekapan dalam institusi perbankan. Strategi institusi perbankan kini tertumpu kepada memperkukuhkan kedudukan mereka sebagai peserta utama dalam sekor kewangan.

Tahun 2001 mencatat perkembangan penting bagi industri perbankan Islam. Pencapaian yang menggalakkan oleh industri ini merupakan manifestasi usaha bersepadu Bank Negara Malaysia dan industri untuk merealisasikan potensi industri perbankan Islam dalam memenuhi keperluan ekonomi dan kewangan negara. Pada tahun ini, beberapa langkah khusus dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) untuk meningkatkan prestasi industri perbankan Islam telah dilaksanakan. Hari ini, perbankan Islam terbukti sebagai salah satu daripada saluran pengantara yang efektif dan telah mencakup bahagian sebanyak 8.2% daripada jumlah aset perbankan. Dalam melangkah ke hadapan, meningkatkan kapasiti institusi bagi institusi perbankan Islam melalui konsep "bank di dalam bank" yang dirancang tidak hanya akan memberi tumpuan strategik dan autonomi kepada peserta-peserta di dalam perbankan Islam, tetapi juga membolehkan mereka mencapai skala ikut bidangan, penerimaan dan pencapaian yang amat meluas, serta kos yang efisien. Di peringkat antarabangsa, kemajuan pesat telah dicapai melalui dua inisiatif iaitu Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) dan badan penetap piawaian antarabangsa. BNM mengambil bahagian secara aktif di dalam kedua-dua inisiatif tersebut. IIFM menyediakan platform bagi institusi kewangan Islam untuk mengurus mudah tunai mereka dan memudahkan dagangan instrumen pasaran modal Islam. Badan penetap piawaian yang akan ditempatkan di Malaysia, akan memberi tumpuan kepada menerbitkan amalan-amalan terbaik antarabangsa merangkumi penyeliaan dan pengawalan institusi kewangan Islam. Perkembangan yang menggalakkan ini akan terus menyumbang kepada pembangunan keseluruhan sistem kewangan Islam global.

Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam membangunkan sektor kewangan untuk menjadi penggerak utama transformasi ekonomi dan proses pertumbuhan di Malaysia. Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai di dalam melaksanakan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), terutamanya dalam aspek mempertingkatkan kecekapan institusi dan daya saing serta mempromosi kesedaran pengguna melalui program pendidikan pengguna yang teratur. Beberapa institusi perbankan juga giat menawar pelbagai bentuk perkhidmatan kewangan melalui saluran pengagihan baru. Ini akan menjadi bertambah penting untuk menjamin kelebihan daya saing dalam suasana global yang baru. Dasar-dasar berhemat yang baru telah juga diperkenalkan untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko dan urus tadbir korporat. Teras dasar perbankan pada tahun-tahun akan datang akan terus memberi penekanan terhadap mempertingkatkan kapasiti institusi perbankan, memperkukuhkan lagi rangka kerja pengawalan serta mewujudkan suasana yang baik bagi institusi perbankan supaya menjadi lebih efisien dan berdaya saing.

Walaupun suasana kurang menggalakkan pada tahun 2001, industri insurans mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.4% dalam pendapatan premium. Permodalan industri ini yang diperkukuhkan semenjak 30 September 2001 telah meningkatkan daya

tahan kewangan di kalangan penanggung insurans, yang merupakan faktor utama dalam menggalakkan penggabungan industri melalui penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Sebanyak lapan M&A telah selesai dilaksanakan dan tujuh lagi yang melibatkan 13 penanggung insurans kini sedang dalam proses pelaksanaan. Dalam melangkah ke hadapan, industri insurans mempunyai potensi peningkatan pertumbuhan yang tinggi, memandangkan kadar pertambahan pelanggan yang masih rendah dan pendapatan yang meningkat. Potensi pertumbuhan akan dicapai melalui inisiatif di bawah fasa I PISK, yang bermatlamat untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan serta memperkukuhkan perlindungan pengguna. Di dalam industri takaful, momentum pertumbuhan dapat dikekalkan pada tahun 2001 dengan jumlah keseluruhan dana takaful mencecah RM2.4 bilion atau 4.6% (2000: 2.6%) daripada jumlah aset dalam dana insurans.

Institusi kewangan pembangunan (DFI) dijangka terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan pembangunan sektor utama yang dikenalpasti di dalam ekonomi. Dengan enakmen Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, satu rangka kerja pengawalan dan pengawalseliaan baru mula dikuatkuasakan bagi DFI. BNM diberi kuasa untuk melaksanakan Akta tersebut. Tumpuan masa hadapan adalah untuk membangunkan kapasiti kewangan dan struktur keseluruhan DFI bagi memenuhi peranan yang dimandatkan kepada mereka. Peraturan-peraturan berhemat yang akan memperbaiki pengurusan aset dan liabiliti, urus tadbir korporat serta amalan-amalan pengurusan risiko DFI akan diperkenalkan bagi mempertingkatkan keutuhan operasi dan amalan DFI.

Usaha-usaha juga ditumpukan untuk memperbaiki kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan pada masa yang sama, mengikuti perkembangan teknologi. Dalam hal ini, Majlis Penasihat Pembayaran Negara telah ditubuhkan pada tahun 2001 dengan keahliannya termasuk pakar dari Bank of Japan dan Hong Kong Monetary Authority, untuk merumus dasar pembangunan yang berkaitan dengan keperluan infrastruktur, teknologi baru dan piawaian sistem pembayaran.

Selaras dengan kepesatan proses globalisasi, ekonomi serantau menjadi semakin saling bergantung dan bersepadu. Sebagai ekonomi yang terbuka, rantau ini pada tahun-tahun yang lalu telah digugat dengan ketidaktentuan dalam ekonomi dan kewangan global, dengan beberapa episod pergolakan yang menguji penggubal dasar di rantau ini. Dalam suasana sebegini, dasar-dasar nasional sahaja, walaupun penting dan perlu, masih tidak mencukupi untuk menjamin kestabilan kewangan serantau dan kemakmuran yang ingin dikecapi. Kerjasama dan perpaduan serantau boleh menjadi faktor penting semasa berlakunya pergolakan dan keadaan yang tidak menentu. Langkah kritikal yang utama telah diambil untuk mengukuhkan kemudahan pembiayaan serantau bagi menggalakkan bantuan bersama dalam mengekalkan kestabilan kewangan. Usaha-usaha sedang diambil untuk membangunkan satu mekanisme pemantauan serantau yang efektif untuk melengkap dan menyokong kemudahan pembiayaan serantau. Dalam memandang ke hadapan, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan pasaran serantau termasuk pasaran bon serantau untuk memenuhi keperluan semasa ekonomi serantau dengan lebih baik. Usaha-usaha bersama yang lebih erat dalam menyeragamkan sistem dan prosedur dokumentasi, akan juga menyumbang kepada mempertingkatkan lagi aktiviti kewangan dan ekonomi

antara rantau. Kerjasama yang berkesan dalam bidang ini akan mengukuhkan asas bagi merealisasikan potensi besar yang dimiliki oleh rantau ini untuk pertumbuhan masa depan dan kemakmurannya.

Walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam beberapa aspek, banyak lagi perkara yang perlu dilakukan dan banyak cabaran-cabaran baru yang perlu dihadapi. Cabaran untuk mencapai pertumbuhan yang kukuh dan kemakmuran memerlukan pandangan yang melewati tempoh terdekat, melangkaui kepentingan jangka pendek dan melepasi sempadan. Walaupun kebimbangan ketika ini perlu ditangani untuk memelihara keyakinan dan kestabilan, pertumbuhan yang kukuh hanya boleh diperolehi daripada keteguhan institusi, keutuhan struktur dan asas. Usaha-usaha yang ditujukan ke arah mencapai matlamat inilah yang akan menghasilkan pertumbuhan seimbang yang berkualiti tinggi yang ingin dicapai.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

20 March 2002